

Isu Penghinaan Terhadap Institusi Diraja Malaysia: Analisis Kandungan Akhbar Dalam Talian

Issues Of Contempt Towards The Malaysian Royal Institution: A Content Analysis Of Online Newspapers

Syahira Omar
Wan Amizah Wan Mahmud

Program Komunikasi Media
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence : Wan Amizah Wan Mahmud (wan_amizah@ukm.edu.my)

ABSTRAK

Makalah ini meneliti pbingkaian berita akhbar dalam talian mengenai isu berkaitan penghinaan terhadap institusi diraja. Kajian ini bertujuan pertama, mengenalpasti jenis visual dan panjang artikel dalam pelaporan berita. Kedua, mengkaji sumber berita manakah yang lebih banyak membincangkan tentang isu ini dan ketiga, mengkaji punca kes saman isu penghinaan institusi diraja yang dipaparkan dalam berita. Akhir sekali, mengkaji perkongsian berita di media sosial oleh pembaca tentang isu penghinaan institusi diraja Malaysia. Tiga akhbar yang dipilih untuk kajian ini ialah akhbar dalam talian Utusan Online, Malaysia Kini dan juga The Star. Hasil daripada kajian ini mendapati wujud pbingkaian yang berbeza pada ketiga-tiga akhbar mengenai isu penghinaan institusi diraja Malaysia ini.

Kata kunci: isu penghinaan, institusi diraja Malaysia, analisis kandungan, akhbar dalam talian,

ABSTRACT

This article examines the news framing of online newspapers on issues related to contempt towards the Malaysian royal institution. This study aims first, to identify the types of visual and the length of articles in news reporting. Second, to review which news sources will go at length to discuss on this issue and third, to examines the news sources for summon cases pertaining to the contempt towards royal institution featured in the news. Finally, to investigate the of sharing news on social media by readers on the issue of contempt of the Malaysian royal institution. Three online newspapers have been selected in this study i.e. Utusan Online, Malaysia Kini and The Star. Results from this study showed that there are different framings on all three online newspapers on the issue of contempt towards the Malaysian royal institution.

Keywords: issues of contempt, Malaysian royal institution, content analysis, online newspapers,.

1. Pengenalan

Kewujudan pelbagai media kini menjadi satu kepentingan dalam proses penyampaian maklumat dalam masyarakat. Pada prinsipnya media dan masyarakat sosial adalah sesuatu

yang sukar untuk dipisahkan. Media massa bukan sahaja bertanggungjawab untuk mendidik, memotivasi dan memaklumkan masyarakat tetapi merupakan medium penting kepada kerajaan untuk menyalurkan maklumat tentang pembangunan negara di samping akur dengan undang-undang dan dasar kerajaan demi kepentingan dan kestabilan negara. Malah, media juga digunakan untuk membantu kerajaan menyemai semangat persefahaman dan mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Hal ini kerana media dapat mendidik dan mengubah setiap kumpulan masyarakat yang secara tradisional hidup terpisah-pisah ke dalam satu kumpulan etnik yang bersepadu yang mana perbezaan etnik tidak lagi menjadi sumber konflik (Viswanath & Arora, 2000).

Akhbar tertua ini telah berkembang seiring dengan kemajuan teknologi yang berlaku dengan wujudnya akhbar dalam talian yang membolehkan pembaca mendapatkan maklumat dari akhbar hanya dengan melawati laman-laman web akhbar tersebut. Sifat akhbar sememangnya dapat membentuk fikiran dan persepsi individu dalam satu kelompok masyarakat kerana akhbar ini akan mengumpul maklumat yang diperolehi dan membentuk kecenderungan umum terhadap pelbagai isu. Begitu pula dengan wujudnya kecenderungan pihak tertentu untuk memiliki dan menguasai institusi media kerana penguasaan institusi tersebut, maka ini turut bermakna sebagai usaha menyalurkan idea para wartawan kepada khalayaknya. Namun begitu, perlu diketahui bahawa pihak penerbit, para pemilik atau wakil pemilikinya, sememangnya mempunyai kuasa untuk menentukan dasar tersebut (Severin & Tankard 2001 : 315).

Di Malaysia, isu-isu yang didedahkan melalui media pada masa kini terutamanya surat khabar juga masih digunakan untuk mempengaruhi dan memikat pendapat masyarakat. Sejak dahulu lagi surat khabar menjadi pilihan masyarakat antaranya ialah Utusan Malaysia, Berita Harian, New Straits Times, The Star dan sebagainya. Manakala kemunculan akhbar picisan seperti Harian Metro dan Kosmo yang membincangkan topik-topik hangat menyebabkan akhbar berkenaan menjadi pilihan pembaca pada masa kini. Akhbar mempunyai ciri-ciri media massa menyebabkan ianya masih lagi menjadi pilihan pada masa kini. Penggunaannya sangat popular dan banyak digunakan oleh pengkaji dalam bidang komunikasi (Mohd Asri, 2002).

Negara Malaysia adalah antara salah sebuah negara demokratik yang mengamalkan pemerintahan sistem raja berperlembagaan. Maksud Raja Perlembagaan adalah satu kerajaan yang ditubuhkan di bawah sistem berperlembagaan yang mengiktiraf Raja sebagai ketua negara dan Perlembagaan sebagai undang-undang tertinggi negara. Contoh negara-negara lain yang mengamalkan sistem raja berperlembagaan ialah Britain, Negara Thai, dan juga Jepun. Sistem Raja Berperlembagaan dan juga Demokrasi Berparlimen yang diamalkan negara sejak merdeka terbukti berkesan mewujudkan kestabilan dan kemakmuran kepada negara. Pemerintahan ini juga menjadi tuntas utama ke arah proses menyatupadukan rakyat majmuk yang berbilang bangsa dan pembinaa sebuah negara bangsa Malaysia yang berjaya.

Manakala dalam sistem politik melayu, Raja juga adalah sumber dan pusat kuasa. Raja adalah penyusun adat istiadat, pemilik kerajaan dan berdiri teguh mempertahankan imej Negara Islam dalam sesebuah masyarakat yang bahagia serta mengamalkan undang-undang syariah Islam. Kuasa Raja adalah restu daripada daulat yang dimiliki oleh Raja tersebut. Kuasanya disalurkan bagi menggerakkan jentera serta tenaga-tenaga pemerintahan dan pentadbiran (Baharuddin Che Pa 2005). Raja dan rakyat harus memahami tugas masing-masing dan bertindak berdasarkan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Raja yang melanggar perjanjian akan menerima balasan yang setimpal, akan kehilangan kuasa dan

takhta kerajaannya. Begitu juga bagi pihak rakyat yang derhaka, akan menerima bala bencana yang serupa, binasa diri dan selru kehidupannya (Jelani Harun 2008). Begitulah besarnya peranan institusi diraja dalam pemerintahan negara kita yang bersifat demokratik ini.

Ternyata, institusi diraja di Malaysia mempunyai kepentingan sama ada dari segi nilai kenegaraan dan sejarah. Dari segi roh kenegaraan, institusi Raja Berperlembagaan penting kerana ia menjadi payung kedaulatan negara, menaungi seluruh rakyat dan kepercayaan agama. Institusi ini penting dalam menjamin kestabilan negara. Justeru, prinsip kedua rukun negara meletakkan Raja perlu ditaati. Kedudukan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara seperti termaktub dalam Perkara 32 (1) Perlembagaan Persekutuan. Raja Melayu adalah kesinambungan sejarah dan warisan negara dan kewujudannya menjadi sebahagian identiti negara serta dilindungi perlembagaan.

Isu-isu dan juga peristiwa yang berlaku di Malaysia dilaporkan di akhbar sama ada akhbar cetak mahupun akhbar dalam talian untuk tujuan menyampaikan maklumat kepada khalayak. Isu-isu yang berkaitan dengan pendidikan, ekonomi, kesihatan, sosial, dan banyak lagi dijadikan berita oleh para wartawan sebagai mesej kepada rakyat Malaysia. Begitu juga tidak terkecuali isu yang berkaitan dengan institusi diraja. Isu ini sememangnya penting dan menjadi tumpuan setiap individu. Hal ini kerana institusi diraja ini merupakan institusi terpenting dalam pemerintahan negara Malaysia dan juga lambang bangsa melayu yang perlu dipertahankan.

Pada hari ini, institusi raja yang masih kekal ini adalah merupakan kesinambungan sejarah dan warisan tamadun bangsa yang telah memberikan kesan positif kepada kestabilan sosial, politik dan ekonomi sesebuah kerajaan yang berdaulat seperti Malaysia (Mohd Sufiean Hassan, 2013). Pentingnya institusi diraja dapat dilihat dengan jelas dan nyata termaktub di dalam Perlembagaan Malaysia. Sepuluh peratus (10%) atau 19 dari 183 Perkara di dalam Perlembagaan Persekutuan adalah perkara-perkara berkaitan Raja, yang berperanan peting dalam struktur Kerajaan dan struktur Negara bangsa (Raja Nazrin Shah, 2013). Malaysia dengan itu mengamalkan sistem pemerintahan Raja Berpelembagan dan bukannya sistem monarki, seperti sebelum merdeka (Mohd Sufiean Hassan, 2013).

Sedar atau tidak, institusi beraja di Malaysia sehingga kini telah pun mencecah lebih 700 tahun. Kini institusi Raja Berperlembagaan berdepan dengan cabaran dunia modernisasi. Sejak era pasca kemerdekaan sehingga hari ini telah menyaksikan banyak insiden untuk melemahkan institusi Raja Berperlembagaan khususnya kuasa raja-raja Melayu. Wujudnya tekanan melalui pelbagai sistem kepimpinan seperti demokrasi, komunis, ekstremis tidak termasuk ideologi-ideologi songsang yang bernaung atas nama hak asasi atau kebebasan bersuara acuan pihak-pihak tertentu. Ternyata ia menguji sejauh mana kebijaksanaan pendukung institusi itu sendiri serta menguji sejauh mana keikhlasan rakyat menerima institusi ini sebagai bahagian penting dalam negara.

Kini wujud golongan individu yang tidak memahami dan tidak menghayati akan sejarah pembentukan institusi diraja, Raja Berperlembagaan dan juga konsep Rukun negara. Akibat kurangnya pengetahuan mereka tentang perkara ini dan tiada rasa hormat, maka akan timbulnya isu penghinaan terhadap raja, sultan dan kerabatnya. Golongan ini cuba untuk menyatakan pendapat mereka yang terpendam tanpa menggunakan cara dan juga saluran yang tidak betul. Mereka ini juga cuba mengada-adakan serta mereka keburukan tentang institusi diraja atas dasar rasa tidak puas hati mereka. Malah, ada antara mereka yang menggunakan perkataan-perkataan yang kesat dan menjijikkan ke atas raja dan sultan, yang

secara terang-terangan adalah satu perbuatan yang langsung tidak mencerminkan keperibadian seorang rakyat Malaysia. Contoh yang ditemui seperti di Rajah 1.



Rajah 1: contoh penghinaan terhadap Sultan Johor

Lebih membimbangkan ia boleh menjadi ancaman atau mewujudkan budaya negatif dalam kalangan generasi masa kini apabila kedudukan Raja-Raja Melayu turut diheret dalam kancah politik sehingga terpaksa membawa kepada campur tangan pihak berkuasa. Penggunaan media sosial, seperti di Rajah 1, secara meluas di negara ini seperti Facebook, Twitter serta portal dan laman-laman blog turut membawa 'trend' atau budaya baharu kepada segelintir individu dan pihak tertentu yang menyalahgunakan kemudahan terkini itu, sama ada untuk mempertikai atau menghina Institusi Raja.

Hal ini menimbulkan persoalan dalam kalangan masyarakat yang cintakan negara mengenai tabiat buruk tersebut kerana bidang kuasa Raja-Raja Melayu cukup luas serta menjadi lambang pemerintahan negara ini berteraskan Perlembagaan Malaysia. Adakah generasi masa kini sudah tidak mempunyai kesedaran tentang pentingnya Institusi Raja di negara ini? Mengapa semakin ramai berani melemparkan pelbagai tuduhan dan penghinaan berbanding masyarakat terdahulu yang cukup menyanjung tinggi kedudukan Raja-Raja Melayu?

Sememangnya negara kita memberikan kebebasan kepada rakyat dalam melakukan apa sahaja perkara, akan tetapi terdapat had dan batasan terhadap sesetengah perkara bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku. Sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, tidak dinafikan bahawa kebebasan bersuara adalah asas penting kepada semua hak dan kebebasan asasi yang lain dalam perlembagaan (Safar Hashim, 2001: 57). Maksud kebebasan bersuara yang dinyatakan juga termasuklah kebebasan dalam menyatakan pendapat. Kesemua media juga terlibat sebagai ejen penyampai maklumat dan pendapat dan seterusnya juga merupakan sebahagian daripada konsep kebebasan bersuara ini.

Setiap kebebasan yang wujud bukanlah bersifat mutlak. Kebebasan bersuara dan menyatakan pendapat juga mempunyai had dan batasan yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan, melalui Perkara 10 (2)(a); dan juga sekatan melalui undang-undang yang digubal. Tindakan undang-undang diambil terhadap individu yang melakukan perbuatan bagi kesalahan yang melibatkan kebebasan bersuara ini termasuklah Akta Hasutan 1948, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Rahsia Rasmi 1972, Penghinaan Mahkamah, Akta Fitnah 1957, dan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960. Kes saman yang berlaku kini banyak melibatkan perbuatan menghina, menghasut dan memfitnah individu lain, termasuklah institusi diraja. Jadi perlembagaan serta undang-undang ini digubal bagi memberi perlindungan kepada pihak yang telah menjadi mangsa, apatah lagi bagi raja dan kerabatnya yang dihina dan difitnah. Penghinaan terhadap institusi Raja oleh individu atau kumpulan

wajar dianggap sebagai kesalahan yang patut dikenakan hukuman setimpal. Kebiasaan mereka wajar dikategorikan sebagai kesalahan serius kerana tindakan tidak bertanggungjawab itu menjejaskan imej institusi raja di negara ini. Menghina dan memperlekeh kedudukan Raja-Raja Melayu itu tidak wajar dikatakan sebagai satu kebebasan bersuara kerana apa-apa peruntukan yang dimaktubkan dalam perlembagaan berkaitan peranan institusi Raja adalah sesuatu yang menepati kedudukan Raja yang mempunyai kedaulatan sendiri.

Penghinaan terhadap institusi diraja merupakan satu perbuatan yang sememangnya tidak melambangkan identiti bangsa kita. Perbuatan menghina, menghasut dan memfitnah akan mendatangkan pelbagai kesan yang buruk terutamanya kepada keselamatan negara. Kebebasan bercakap dan mengeluarkan pendapat disalahgunakan oleh sesetengah pihak yang tidak bertanggungjawab. Sebanyak 6,640 laman web telah disekat kerana melanggar Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan undang-undang bertulis lain sejak 2008 hingga kini (Sinar, 4 Julai 2013). Menurut Timbalan Menteri Multimedia dan Komunikasi, Datuk Jailani Johari berkata sekatan itu termasuklah ke atas laman web bank palsu, pelanggaran hak cipta, kandungan lucah dan yang didapati menghina institusi diraja.

"Sehingga Jun ini sebanyak 29 kes sedang dalam siasatan di mana merangkumi kes-kes laman web yang menghina Yang di-Pertuan Agong, institusi Raja dan Sultan," – Datuk Jailani Johari (2013)

Blog-blog ini didapati menggunakan bahasa dan perkataan-perkataan yang tidak senonoh, kenyataannya juga berbaur hasutan dan mempunyai unsur-unsur fitnah melampau sehingga boleh menimbulkan keadaan huru-hara serta boleh mengganggu-gugat kestabilan politik negara. Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) juga mengambil tindakan terhadap laporan mengenai penyalahgunaan laman sosial seperti Twitter dan Facebook yang mengandungi kesalahan yang berkaitan seperti ugutan, penghinaan atau menyentuh sensitiviti kaum. Perbuatan memalukan ini sememangnya wajar dikenakan tindakan undang-undang oleh pihak berkuasa bagi memberi pengajaran kepada masyarakat lain agar tidak menyalahgunakan kebebasan bersuara yang telah diberikan.

Kajian ini bertujuan mengetahui bagaimana akhbar menyajikan sesuatu peristiwa bagi memenuhi keperluan maklumat khalayak, khususnya tentang isu penghinaan terhadap institusi diraja melalui media sosial, oleh sebab isu seperti ini kini semakin banyak berlaku di negara kita melalui pelbagai cara dan medium. Kajian ini akan mengkaji laporan berita yang dipaparkan oleh akhbar dalam talian mengenai kes-kes saman yang dilaporkan yang melibatkan individu yang melakukan perbuatan menghina dan juga institusi diraja. Pengkaji akan meneliti isi kandungan berita yang dilaporkan mengenai kes saman yang terlibat untuk melihat punca kepada kes tersebut. Malah kajian ini ingin melihat sejauh manakah masyarakat berminat untuk berkongsi tentang isu penghinaan institusi diraja ini kepada orang lain.

2. Tinjauan Literatur

Kebebasan Bersuara Dan Menyatakan Pendapat

Kebebasan bersuara adalah kebebasan untuk bersuara tanpa batas atau penapisan. Istilah yang membawa maksud yang sama, adalah kebebasan menyatakan pendapat boleh membawa erti

kebebasan bersuara secara percakapan verbal, termasuklah tindakan mencari, menerima dan menyebarkan maklumat atau idea, dengan tidak mengira medium yang digunakan. Kebebasan bersuara dan menyatakan pendapat berkait dengan, tetapi berasingan dengan, konsep kebebasan berfikir atau kebebasan menilai. Dalam realiti, hak kebebasan bersuara tidak bersifat mutlak di mana-mana negara dan hak ini lazimnya dihadkan, terutamanya apabila wujudnya unsur-unsur tidak puas hati dan benci.

Secara umumnya, kebebasan bersuara adalah salah satu daripada beberapa yang saling menyokong hak (termasuk kebebasan berfikir, sudah persatuan dan berhimpun, dan hak untuk mengundi) dan penting kepada hak-hak sivil dan politik yang lain, seperti hak untuk keadilan, dan hak untuk mengambil bahagian dalam hal ehwal awam. Perdebatan mengenai kebebasan bersuara semakin meluas dan sentiasa berkembang, sebagai tindak balas kepada pembangunan minda manusia, teknologi inovasi dan media global, amalan masyarakat dan standard, dan jawapan politik dan kehakiman. Lebih berterusan adalah idea asas bahawa kebebasan ungkapan direka untuk melindungi dan meningkatkan demokrasi cita-cita.

Dalam peringkat antarabangsa, hak kebebasan amat dititikberatkan. Hak kebebasan bersuara diiktiraf di peringkat antarabangsa sebagai hak asasi manusia di dalam Perkara 19 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat dan diiktiraf dalam undang-undang hak asasi manusia antarabangsa dalam Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak-hak Sivil dan Politik (ICCPR). ICCPR mengiktiraf hak kebebasan bersuara sebagai "hak mendapatkan pendapat tanpa gangguan. Kesemua manusia akan mempunyai hak untuk menyatakan pendapat". malah, kebebasan bersuara juga turut diiktiraf dalam undang-undang hak asasi manusia Eropah, benua-benua Amerika, dan Afrika.

Di dalam Buku Pedoman Article 19 ditulis oleh Sandra Coliver, Pengarah Program Undang-undang dari ARTICLE 19, ada menyebut tentang *Kebebasan Menyampaikan Pendapat: Hukum dan Perbandiga Hukum, Standard dan Prosedur Internasional* (1993). Buku ini ditulis berdasarkan ringkasan kes dan keputusan yang diserahkan oleh lebih dari 50 penyumbang dari 35 negara serta kajian beliau sendiri dan kajian dari beberapa calon peguam. Beliau membuat ringkasan putusan, yang disusun berdasarkan topiknya, dari mahkamah-mahkamah di pelbagai negara yang menetapkan presiden yang melindungi hak-hak atas kebebasan menyampaikan pendapat, berkumpul, berpersatuan dan akses atas maklumat.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia melancarkan kad laporan utamanya mengenai keadaan hak asasi manusia di New Zealand pada 10 Disember, 2010, Hari Hak Asasi Manusia Antarabangsa. Laporan ini berjudul *Human Rights in New Zealand 2010*. Menurut laporan ini, Kebebasan pendapat dan mengeluarkan fikiran adalah hak yang unik membolehkan mana-mana individu untuk mempromosi, melindungi dan memenuhi semua hak asasi manusia lain. Hak-hak membolehkan individu untuk mendedahkan, berkomunikasi dan mengutuk pencabulan hak asasi manusia. Mereka juga membenarkan meraikan pencapaian hak asasi manusia.

Menurut Zaharhanum Kamarudin (2013) pula dalam kajiannya bertajuk, *Hak Kebebasan Bersuara: Peruntukan Undang-undang dan Isu Berkaitan*, kebebasan bersuara di Malaysia adalah milik masyarakat tapi bukanlah bersifat mutlak. Di Malaysia, sebagai sebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi, telah mempraktikkan hak kebebasan bersuara seperti mana yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan. Perlembagaan Malaysia, dikenali juga sebagai Perlembagaan Persekutuan 1948 mengandungi 183 perkara, adalah undang-undang tertinggi di Malaysia. Ia merupakan satu dokumen undang-undang bertulis

yang telah dibentuk berasaskan kepada dua dokumen terdahulu iaitu Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 dan Perlembagaan Kemerdekaan tahun 1957. Dalam perlembagaan ini, tercatatnya 15 bahagian, dan kebebasan bersuara ada disentuh dalam Perkara 10 Bahagian 2, iaitu Kebebasan Asasi. Fasal (1) (a) Perkara 10 menyatakan 'tiap-tiap warganegara adalah berhak bebas bercakap dan mengeluarkan fikiran'.

Institusi Diraja

Perkataan 'raja' berasal dari perkataan Latin '*Monarchia*' yang mewakili kedaulatan individu, tanpa mengira jantina atau pemerintah trend (Starkey, 2005). Manakala Institusi diraja adalah satu institusi yang mengangkat raja sebagai ketua pemerintah, dan kerabatnya sebagai golongan yang diberi keistimewaan, dalam memerintah kerajaan dan rakyat serta menjadi tonggak utama dalam masyarakat. Negara yang mengamalkan istem pemerintahan beraja adalah sebuah negara yang diperintah oleh seorang raja keturunan mutlak tunggal. Walaubagaimanapun, Raja Berperlembagaan, adalah sebuah negeri yang diketuai oleh raja berdaulat yang peraturan mengikut perlembagaan (Bogdanor 1997). Kini, terdapat 44 buah negara di dunia mempunyai raja-raja sebagai ketua negara, 16 daripadanya adalah dari Komanwel alam yang mengiktiraf Ratu Elizabeth II sebagai ketua mereka negara.

Bagi negara Malaysia, Institusi Raja merupakan satu institusi tradisional yang telah wujud dari zaman dahulu sebagai teras sistem pemerintahan dan pentadbiran sesebuah kerajaan Melayu, yang muncul sejak awal kurun ke-11 di Malaysia. Pada waktu itu, pentadbiran bagi kerajaan -kerajaan Melayu diasaskan dan diperintah sepenuhnya oleh seorang raja dengan kuasa yang penuh kuasa da berdaulat sebagai raja berkuasa mutlak. Perubahan berlaku setelah pemerintahan diambil alih oleh pemerintahan British dan Jepun. Setelah merdeka, pemerintahan di Malaysia masih mengekalkan institusi diraja, tetapi menggunakan konsep Raja Berperlembagaan bagi institusi raja, dan dilaksanakan seiring degan konsep Demokrasi Berparlimen.

Satu kajian telah dijalankan oleh Fatimah Zainab binti Dzulkifli & Nazrul Dadziruddin bin Mohd Zameri tentang sistem pemerintahan beraja di Malaysia. Kajian ini berjudul, *The Functions of Constitutional Monarchy in Malaysian Political System: The Perceptions of Malay Community*. Menurut mereka, institusi Diraja memainkan peranan yang penting dalam sistem politik Malaysia sama ada ia adalah di peringkat persekutuan atau negeri. Segala tugas dan undang-undang secara rasmi dinyatakan dalam perlembagaan Malaysia. Dalam kajian ini dinyatakan bahawa Malaysia adalah salah sebuah negara yang mengamalkan sistem kerajaan berdasarkan kepada Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen. Objektif bagi kajian ini adalah untuk mengkaji sejauh mana peranan monarki seperti yang dinyatakan dalam perlembagaan. Malah, kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi masyarakat Melayu terhadap hubungan antara raja dan kerajaan serta raja berperlembagaan dan umum masyarakat. Perlembagaan Malaysia akan menjadi rujukan utama kepada kajian ini. Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati bahawa Perlembagaan Malaysia sangat membantu institusi diraja dalam sistem pemerintahan beraja, serta mengurniakan keistimewaan kepada sistem beraja dalam mentadbir negara. Hasil yang terkumpul dalam kajian ini mendapati bahawa persepsi masyarakat Melayu ke arah raja berperlembagaan telah wujud sejak lama dahulu. Kesenambungan persepsi ini daripada sejarah purba masih ada dalam masyarakat Melayu sehingga hari ini. Walaubagaimanapun, persepsi ini sejajar dengan tahap intelektual

rakyat. Persepsi berlebihan kini telah dikurangkan, dan unsur-unsur feudal yang dimiliki oleh raja-raja kini dipertikaikan.

Kajian seterusnya yang berkaitan dengan institusi diraja telah dijalankan oleh Ramlah Adam dan Noormaizatul Akmar Ishak. Kajian ini bertajuk *Persepsi Rakyat Terhadap Institusi Raja: Satu Kajian Kes di Perlis dan Kedah*. Hasil kajian mereka mendapati bahawa persepsi rakyat Perlis mengenai institusi raja adalah baik. Mereka mengenali sultan dan raja yang memerintah dan mengetahui akan peranan-peranan mereka, walaupun masih terdapat beberapa perkara dalam perlembagaan yang merumitkan penghayatan rakyat terhadap institusi raja. Manakala, persepsi dan penghayatan penduduk di kedah masih tidak peka sepenuhnya dengan institusi raja di Malaysia. Kajian ini juga turut memberi cadangan yang boleh dilakukan untuk memberi pengetahuan kepada orang ramai mengenai institusi raja ini seperti memperkasakan perkara ini dalam penggunaan media sosial untuk memberi maklumat, terutamanya kepada generasi muda kini.

Penyalahgunaan Internet Dan Media Sosial

Perkembangan teknologi maklumat (ICT) yang semakin pantas memberi kebebasan komunikasi tanpa sempadan di seluruh dunia. Kini media sosial muncul sebagai medium komunikasi paling hangat di abad ini sehingga sudah menjadi sebahagian keutamaan hidup. Media sosial boleh didefinisikan sebagai media secara atas talian yang menggunakan jaringan internet, dengan para penggunaanya boleh berinteraksi dengan mudah, berkongsi idea, dan merekacipta isi yang merangkumi blog, jaringan sosial, wikipedia, forum dan dunia virtual. Blog, jaringan sosial dan wikipedia merupakan antara bentuk media sosial yang paling umum digunakan oleh masyarakat di seluruh dunia. Vivian (2002) berpendapat bahawa media sosial sangat penting kerana ia merupakan sumber maklumat, sumber hiburan, dan forum memujuk dan mengikat pengaruh terhadap masyarakat.

Menurut laporan kesihatan yang dikeluarkan oleh American Academy of Pediatrics yang bertajuk *Clinical Report—The Impact of Social Media on Children, Adolescents, and Families*, mengunjungi laman web media sosial adalah antara aktiviti yang paling kerap kanak-kanak dan remaja hari ini lakukan. Dalam laporan ini juga, dinyatakan bahawa risiko utama remaja dan kanak-kanak dalam talian hari ini adalah risiko penggunaan yang tidak betul teknologi, tiada ruang untuk bersendirian, berkongsi terlalu banyak maklumat, atau menghantar palsu maklumat tentang diri mereka atau orang lain. Hal ini kerana kanak-kanak dan remaja yang tidak mempunyai kesedaran tentang isu-isu privasi dan sering menghantar mesej yang tidak sesuai, gambar, dan video melalui media sosial. Mereka beranggapan bahawa sebarang perkongsian maklumat dan media tidak akan dapat diketahui dan digodam oleh pihak yang tak bertanggungjawab. Mereka ini menggesa dan menggalakkan ibu bapa untuk memantau masalah yang mungkin berlaku dengan cyberbullying, "Facebook depression," sexting, dan pendedahan kandungan yang tidak sesuai terhadap anak-anak mereka.

Menurut Laporan Ekonomi 2013/3014 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan, bilangan pengguna Internet di Malaysia dijangka meningkat kepada 25 juta orang menjelang 2015 berbanding 18 juta pada 2012. Laporan itu juga menyatakan, kadar penembusan jalur lebar isi rumah didapati meningkat kepada 66.8 peratus pada akhir Jun 2013 manakala kadar penembusan telefon mudah alih melebihi 100 peratus, yang kini terdapat 42.6 juta langganan. Antara kelebihan utama penggunaan media sosial ialah mudah diakses, pantas, murah dan

banyak pilihan. Selain pelbagai impak positif yang diraih hasil daripada kemajuan teknologi saat ini, terdapat juga risiko dan kesan negatif yang tidak boleh diabaikan begitu sahaja. Salah satu risiko penggunaan media sosial adalah ia boleh memberi kesan terhadap perpaduan, keharmonian masyarakat dan keselamatan negara (Koh Siaw Yoke, 2012)

Kini, penyalahgunaan internet dan media sosial juga jenayah siber boleh berlaku pada bila-bila masa oleh sesiapa sahaja. Kewujudan laman sosial dan blog-blog di internet dan aplikasi baru di telefon pintar memudahkan orang ramai untuk bebas bercakap dan menyatakan pendapat. Portal rasmi dan akaun rasmi di laman sosial seperti di Facebook diwujudkan untuk memudahkan komunikasi dua hala untuk menyatakan pendapat dan aduan yang hendak dikemukakan oleh rakyat kepada pemimpin. Akan tetapi kini, banyak wujudnya individu-individu yang tidak bertanggungjawab menggunakan saluran yang salah untuk bersuara.

Satu artikel yang ditulis oleh Kuziana Kubut, dari Universiti Kebangsaan Malaysia mengenai impak media sosial ini. Laporan ini bertajuk '*Media Sosial dan Risiko Kesannya Kepada Keharmonian Masyarakat dan Keselamatan Negara*'. Dalam artikel ini, beliau cuba mengetengahkan tentang perkembangan media sosial yang terjadi dan juga impak negatif yang berlaku kean daripada peyalahgunaan media sosial ini. Ketagihan terhadap media sosial ini boleh menjejaskan kesihatan dan boleh menggalakka individu tersebut menjadi tidak aktif. Selain itu, penggunaan gambar dan pemalsuan maklumat seseorang boleh menyebabkan mangsa diugut dan timbulnya jenayah seperti kes pembunuhan, penipuan, rogol dan sebagainya. Lambakan video-video pornografi dan juga yang berunsurkan keganasan merosakkan moral generasi muda, disebabkan kemudahan mengakses dan memuatnaik bahan-bahan seperti ini di internet dan media sosial.

Menurutnya lagi, perkara yang paling diminati oleh para pengguna media sosial ini ialah membolehkan mereka meninggalkan komen pada catatan dan gambar orang lain. Namun terdapat segolongan pengguna yang menyalahgunakan kemudahan ini dengan melakukan perbuatan yang tidak bermoral seperti menjatuhkan maruah orang lain, mencaci, dan memfitnah. Blog, laman sosial, laman web dan aplikasi media sosial telah banyak mencetus provokasi melalui pernyataan status, rating Like, komen, khidmat pesanan ringkas, kritikan serta artikel yang dimuat naik secara bebas tanpa garis panduan serta peraturan kukuh yang dikuatkuasakan. Kes-kes penghinaan agama, institusi beraja dan hasutan berbau perkauman melalui media sosial telah dilaporkan dan ada yang dibawa ke muka pengadilan. Sehingga Jun 2013 sahaja, sebanyak 29 kes membabitkan penghinaan terhadap Islam dan institusi raja melalui media sosial telah disiasat oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM).

Kebanyakan artikel akhbar di Malaysia menunjukkan ahli politik dan pentadbiran adalah golongan yang paling banyak difitnah melalui khidmat pesanan ringkas (Utusan Malaysia, 2014). Menurut Sengupta dan Chaudhuri (2008), penyalahgunaan maklumat yang tidak benar serta menghantar ugutan dan mesej agresif dikira sebagai '*Internet abuse*' sekali gus mampu mencemarkan maruah, kedudukan dan tekanan kepada individu. Propaganda negatif yang tersiar ini boleh menyebabkan penyebaran maklumat yang salah, wujudnya kekacauan dan kegelisahan masyarakat. Semua bahan yang ditulis itu mampu mencetuskan salah faham dan pergaduhan antara masyarakat berbilang kaum di negara ini dengan begitu mudah. Medium ini memudahkan penyebaran pelbagai maklumat palsu dan mengelirukan kepada masyarakat (Berita Tempatan, 2014). Berita-berita lain juga mempamerkan penyalahgunaan laman media

sosial yang banyak digunakan untuk memfitnah, menjatuhkan maruah dan sebagai medan berbalas cacian yang selalunya melibatkan selebriti.

Artikel lain berkenaan dengan penyalahgunaan media sosial ini turut ditulis oleh Emilio Ferrara (2015), yang bertajuk '*Manipulation and abuse on social media*'. Dalam artikel ini, beliau turut mengetengahkan beberapa isu berkenaan dengan penyalahgunaan di media sosial. Fenomena seperti menyebarkan maklumat menjadi sangat besar akhir-akhir ini. Beliau membincangkan beberapa contoh yang terlibat dalam penyalahgunaan media sosial di peringkat antarabangsa, dalam konteks perbincangan politik, manipulasi pasaran saham, propaganda dan pengambilan. Beliau juga turut mengetengahkan kajian terbaharu yang digambarkan bahawa pengguna media sosial daripada generasi muda, adalah lebih terdedah kepada penyalahgunaan, contohnya dalam bentuk pbulian siber dan gangguan, atau menjadi sasaran oleh stigma negatif, meningkatkan risiko kesihatan seperti kemurungan dan bunuh diri (Boyd, 2008; 2014).

3.1 Metodologi

Kajian ini akan dijalankan yang merangkumi tiga jenis akhbar online di Malaysia iaitu Utusan Online, The Star, dan juga Malaysia Kini. Tujuan ketiga akhbar-akhbar ini dipilih kerana majoriti masyarakat di Malaysia lebih memilih ketiga-tiga sumber ini untuk mendapatkan maklumat secara atas talian. Penyampaian ketiga-tiga akhbar ini secara keseluruhannya dilihat berbeza terutamanya penulisan.

Utusan Malaysia dilihat sebagai akhbar yang ditulis dengan menggunakan bahasa melayu yang telah lama berkhidmat pada negara. Akhbar The Star pula merupakan akhbar yang menggunakan bahasa inggeris manakala Malaysia Kini merupakan akhbar online yang berbahasa melayu dan bahasa inggeris. Penulisan bagi ketiga-tiga akhbar ini agak berbeza mengikut pengawalan syarikat masing-masing.

Pemilihan sampel adalah dengan memilih mana-mana berita yang mengetengahkan isu penghinaan terhadap institusi diraja mengikut tempoh 7 bulan yang telah ditetapkan iaitu dari 25 Julai 2016 sehingga 25 Disember 2016.

Dalam kajian ini, setelah keseluruhan data dianalisis dengan menggunakan borang kodan (coding sheet), seterusnya data akan dikumpulkan akan dianalisis dengan ujian 'Statistical Packages for Social Sciences' (SPSS). Hasil analisis data yang digunakan ialah Statistik Deskriptif iaitu ujian kekerapan (frekuensi) serta peratusannya. Data keseluruhan kajian juga akan diolah dengan menggunakan pbingkaian model Pan & Kosicki (1993) untuk dianalisis dan diinterpretasi. Data akan dibahagikan berdasarkan kepada perangkat dalam pbingkaian tersebut. Berdasarkan kaedah kajian ini, data akan dianalisis dan boleh ditafsirkan dengan lebih mudah.

Sebanyak 34 sampel berita yang terpilih dalam kajian ini. Tiga buah akhbar dalam talian iaitu Utusan Online, Malaysia Kini dan The Star telah dipilih untuk menjalankan kajian ini bagi tempoh tujuh bulan iaitu dari 25 Julai 2016 sehingga 25 Disember 2016. Aspek-aspek yang diambil kira dalam kajian ini termasuklah latar belakang sumber berita dan juga tahap penglibatan sumber berita dalam memberi maklum balas terhadap isu yang dikaji. Selain itu, aspek kajian yang memfokus kepada objektif tertetu juga diambil kira. Dalam kajian ini, empat objektif telah dikaji. Pemilihan untuk menghuraikan data ini adalah melalui analisis deskriptif bagi memahami permasalahan kajian dengan terperinci dan juga menjelaskan fenomena yang berlaku berdasarkan peratusan yang diperolehi.

4.1 Dapatan dan Perbincangan

Jenis Visual Dan Panjang Berita

Paparan Grafik Berita

Jadual 2 : Taburan Kekerapan Paparan Grafik

Paparan	Frekuensi	Peratus (%)
Gambar	28	82
Video	4	12
Tiada Paparan	2	6
Jumlah	34	100

Jadual 2 menunjukkan taburan kekerapan bagi jenis paparan grafik bagi berita yang dipaparkan. Gabungan ketiga-tiga akbar dalam talian yang dipilih iaitu Utusan Online, Malaysiakini dan jga The Star, ialah sebanyak 4 buah berita. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, sebanyak 28 buah atau 82% berita yang mempunyai paparan gambar dalam berita, manakala sebanyak 4 buah atau 12% berita yang memaparkan video. Hanya 2 buah atau 6% berita yang tidak mempunyai apa-apa paparan dalam penulisan beritanya

Paparan visual yang dipilih dan digunakan oleh wartawan amat penting bagi menyokong kekuatan sesuatu berita yang disampaikan. Berdasarkan hasil kajian yang telah dibuat ke atas semua berita yang terkumpul, hanya dua buah berita daripada 34 buah berita yang tidak mempunyai apa-apa paparan grafik sama ada gambar mahupun video. Kedua-dua berita yang tidak mempunyai paparan visual adalah dari berita yang dilaporkan oleh akhbar dalam talian The Star.

Manakala berita yang lainnya turut memaparkan berita-berita berserta paparan grafik bagi isu ini. Paparan grafik ini sememangnya memainkan peranan yang penting untuk menarik perhatian para pembaca untuk membaca liputan berita tersebut. Gambar dan video juga dapat menunjukkan sejauh mana penulis berita dalam mengutamakan kepentingan isu penguasaan institusi diraja ini dengan menggunakan grafik tersebut sebagai satu penekanan kepada liputan berita yang dilaporkan.

Bilangan Perenggan Dalam Berita

Jadual 3 : Taburan Kekerapan Bilangan Perenggan Dalam Berita

Jumlah Perenggan	Frekuensi	Peratus (%)
1 - 5	6	18
Lebih dari 5	28	82
Jumlah	34	100

Jadual 3 menunjukkan taburan kekerapan bagi bilangan perenggan dalam berita yang dipaparkan. Gabungan ketiga-tiga akbar dalam talian iaitu Utusan Online, Malaysia Kini dan The Star berjumlah 34 berita yang mengandungi tentang isu penghinaan institusi diraja. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi hanya 6 buah atau 18% berita sahaja yang megandungi bilangan perenggan sebanyak 5 dan ke bawah. Manakala 28 buah berita atau 82% berita mengandungi jumlah perenggan lebih dari 5.

Bilangan perenggan dalam berita yang dipaparkan juga turut dikaji untuk melihat panjang sesuatu berita yang dilaporkan. Berdasarkan hasil kajian, hanya enam buah berita yang mempunyai bilangan perengga lima dan ke bawah. Selebihnya pula memiliki jumlah perenggan melebihi dari lima. Hal ini menunjukkan wartawan menulis berita-berita ini dengan maklumat yang lengkap. Walaubagaimanapun, bagi berita yang ditulis dengan bilangan perenggan yang sedikit bukanlah bermakna liputan berita ini tidak mementingkan isu ini. Berita-berita ini dilihat ditulis dengan ringkas dan padat serta sebagai laporan tambahan dan penyokong kepada berita yang terdahulu, oleh itu bilangan perengganya hanyalah sedikit sahaja.

Kekerapan Isu Penghinaan Institusi Diraja Dalam Akhbar Dalam Talian

Jadual 4: Taburan kekerapan Pemaparan Isu Penghinaan terhadap Institusi Diraja

Jenis Akhbar	Frekuensi	atus (%)
Utusan Online	14	41
Malaysia Kini	13	38
The Star	7	21
Jumlah	34	100

Berdasarkan Jadual 4 menunjukkan jumlah akhbar dalam talian yang dipilih untuk menjalankan analisis kajian ini iaitu Utusan Online, Malaysia Kini dan The Star. Sebanyak 34 buah berita daripada ketiga-tiga akhbar memaparkan isu yang berkaitan dengan penghinaan terhadap institusi diraja. Dalam tempoh tujuh bulan yang ditetapkan ini, Utusan Online telah memaparkan sebanyak 14 buah atau 41% berita, manakala Malaysia Kini pula memaparkan sebanyak 13 buah atau 38% berita. The Star pula hanya memaparkan 7 buah atau 21% berita daripada kedua-kedua akhbar Utusan Oline dan Malaysia Kini.

Ketiga-tiga akhbar dalam talian ini dibuat perbandingan dari segi kekerapan akhbar tersebut memaparkan isu berkenaan penghinaan institusi diraja dalam tempoh tujuh bulan yang telah ditetapkan. Berdasarkan hasil kajian yang diperolehi, didapati bahawa Utusan Online paling banyak memaparkan berita berkena isu penghinaan institusi diraja berbanding akhbar Malaysia Kini dan The Star. Akhbar The Star dilihat paling kurang kerana bilangan berita yang dikeluarkan berkenaan isu ini sangat jauh perbezaannya berbanding akhbar Utusan Online dan Malaysia Kini. Hal ini menunjukkan bahawa akhbar dalam talian The Star

kurang mengutamakan berita-berita yang berkepentingan besar terhadap negara dan masyarakat.

Jika dilihat secara keseluruhannya, akhbar dalam talian Utusan Online dan Malaysia Kini banyak memaparkan berita-berita yang berkaitan dengan kes saman isu penghinaan terhadap institusi diraja ini disebabkan oleh mereka mengikuti perkembangan mana-mana kes yang berkaitan. Selain itu, akhbar-akhbar ini dilihat sentiasa mengemaskini berita dalam laman sesawang mereka. Setiap maklumat yang baru sahaja diperolehi dan telah disahkan, terus dipaparkan untuk makluman para pembaca mereka. Manakala akhbar The Star pula dilihat kurang mengikuti perkembangan setiap kes berkenaan isu ini. Akhbar ini hanya memaparkan berita tentang maklumat-maklumat yang dianggap penting sahaja untuk para pembaca tahu. Keseluruhannya, akhbar dalam talian Utusan Online paling banyak menitikberatkan isu yang berkaitan penghinaan raja dan sultan di negara ini.

Punca Kes Saman Isu Penghinaan Institusi Raja

Jadual 5 menunjukkan taburan frekuensi dan peratusan bagi punca kes saman isu penghinaan institusi diraja. Faktor kes saman isu penghinaan institusi diraja ini dibahagikan kepada enam bahagian dan diwakili dengan 11a, 11b, 11c, 11d, 11e, dan 11f. Berdasarkan keputusan kajian, 11a, 11b, dan 11c menunjukkan taburan frekuensi dan peratusan yang sama isitu 31 kali atau 91% daripada kandungan berita tersebut menyatakan kes saman isu penghinaan institusi diraja adalah kerana kenyataan individu menggunakan perkataan-perkataan yang keterlaluan, dianggap sengaja menjatuhkan maruah raja/sultan dan bertujuan memfitnah dan bukan untuk menyampaikan kebenaran. 11d pula adalah sebanyak 16 kali atau 47% iaitu kes saman yang dilaporkan dalam berita mempunyai unsur-unsur menghasut, dan 11e sebanyak 18 kali atau 53% iaitu kenyataan individu menyebabkan raja/sultan dikecam oleh rakyat. Manakala 11f pula menunjukkan frekuensi sebanyak 32 kali dan peratusan 94% daripada berita tersebut yang menyatakan kenyataan yang dikeluarkan individu tersebut menjejaskan keharmonian masyarakat.

Jadual 5: Taburan Kekerapan Punca Kes Saman Isu Penghinaan Institusi Raja

		Frekuensi		Peratusan (%)	
		YA	TIDAK	YA	TIDAK
11a	Kenyataan individu menggunakan perkataan-perkataan yang keterlaluan	31	3	91	9
11b	Kenyataan yang ditulis dianggap sengaja menjatuhkan maruah raja/sultan	31	3	91	9
11c	Kenyataan yang ditulis bertujuan memfitnah dan bukan untuk menyampaikan kebenaran	31	3	91	9
11d	Kenyataan individu mempunyai unsur-unsur menghasut	16	18	47	53
11e	Kenyataan individu menyebabkan raja/sultan dikecam oleh rakyat	18	16	53	47
11f	Kenyataan yang dikeluarkan menjejaskan keharmonian masyarakat	32	2	94	6

Berdasarkan hasil kajian terhadap semua berita yang terkumpul, hampir kesemua berita melaporkan kebanyakan kes saman isu penghinaan institusi diraja ini berpunca daripada kenyataan individu di laman sosial yang menggunakan perkataan-perkataan yang keterlaluan.

Penggunaan bahasa yang keterlaluan dan menjijikkan terhadap institusi diraja dan pemimpin, langsung tidak mencerminkan ketamadunan masyarakat di negara kita. Tanpa mengira ideologi politik, bangsa mahupun agama, ini adalah satu sikap yang amat memalukan dan tidak langsung melambangkan sikap rakyat Malaysia apatah lagi bangsa melayu yang bersopan santun. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat golongan masyarakat kita yang masih tidak tahu menghormati institusi diraja dengan menggunakan bahasa-bahasa yang memalukan terhadap golongan diraja dan pemimpin.

Selain itu, hasil kajian turut menunjukkan bahawa hanya tiga kes saman sahaja yang dilaporkan dalam berita yang tidak bertujuan dan tidak berniat untuk menjatuhkan maruah golongan diraja. Selainnya adalah merupakan kes yang dianggap satu penghinaan kepada institusi diraja. Kenyataan yang dikeluarkan oleh individu langsung dianggap tidak menghormati Yang diPertuan Agong, sultan mahupun kerabat diraja. Keputusan yang sama juga bagi faktor ketiga iaitu kerana kenyataan yang dikeluarkan individu adalah bertujuan memfitnah dan bukan untuk menyampaikan kebenaran. Kebanyakan kenyataan yang dibuat oleh individu dilihat tidak berasas kerana individu-individu ini sengaja mereka kenyataan tersebut, seterusnya menjadikan ianya satu fitnah kepada kerabat diraja. Dalam kebebasan bersuara, apa sahaja perbuatan memfitnah adalah satu kesalahan, dan boleh dibawa ke mahkamah untuk menuntut keadilan bagi pihak yang difitnah. Malah, ianya memang satu kesalahan yang besar bagi perbuatan memfitnah Yang diPertuan Agong, sultan mahupun kerabat diraja

Seterusnya, faktor yang dikaji adalah perbuatan menghasut. Daripada hasil kajian, hampir separuh daripada kes semua kes saman yang dilaporkan adalah berpunca daripada kenyataan individu yang dilihat mempunyai unsur-unsur menghasut. Hal ini membuktikan masih terdapat segelintir dari masyarakat di negara kita yang tidak tahu menghormati para pemimpin. Oleh kerana mereka tidak berpuas hati tentang sesuatu perkara, mereka ini cuba mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang cuba menghasut para pembaca untuk mempercayai mereka dan membenci tentang sesuatu perkara. Keterbukaan melampau yang cuba ditonjolkan oleh sesetengah masyarakat seolah-olah bertujuan menghasut rakyat agar membenci pemimpin raja dan sultan serta perlembagaan di negara kita.

Selain itu, hasil kajian menunjukkan, 18 daripada 34 buah berita yang dikaji menyatakan kes saman ini adalah berpunca daripada kenyataan individu yang dikeluarkan menyebabkan raja, sultan mahupun kerabat diraja dikecam oleh rakyat ini menunjukkan bahawa individu-individu ini cuba menulis dan mereka sesuatu yang boleh memburukkan institusi diraja. Oleh kerana masyarakat kini lebih mudah mempercayai sesuatu mesej yang mereka terima tanpa diselidiki, golongan diraja juga turut mendapat kesannya. Tindakan seperti ini sewajarnya dikenakan tindakan undang-undang kerana boleh memburukkan reputasi pimpinan di negara kita dalam masyarakat juga di mata negara-negara luar.

Faktor yang terakhir merupakan faktor yang tertinggi dicatatkan dalam hasil kajian ini. Hampir semua kes yang dilaporkan adalah berpunca daripada kenyataan individu yang boleh menjejaskan keharmonian masyarakat di negara kita. Kenyataan yang dibuat boleh menimbulkan salah faham banyak pihak, meyebabkan pergaduhan dan rakyat akan mula tidak percaya dan yakin terhadap pimpinan institusi diraja. Jadi tindakan ini wajar dikenakan saman juga bagi mengelakkan tercetusnya perbalahan dalam masyarakat dan menggugat keamanan negara kita.

5.1 Rumusan dan Cadangan

Rumusan dapatan kajian ini merupakan huraian dari data-data yang diperolehi hasil analisis ke atas akhbar dalam talian yang memaparkan isu penghinaan terhadap institusi diraja. Sebanyak 34 buah berita telah terkumpul bagi tempoh tujuh bulan yang telah ditetapkan. Akhbar-akhbar yang telah dipilih adalah Utusan Online, Malaysia Kini dan juga The Star. Setiap petikan berita yang diperolehi daripada ketiga-tiga akhbar ini dianalisis berdasarkan objektif dan keperluan maklumat yang telah ditetapkan.

Visual dan Panjang Berita

Dalam objektif ini, kajian ini mengkaji tentang paparan visual dan panjang berita bagi berita-berita yang telah terkumpul. Visual yang dimaksudkan adalah gambar atau video yang dimuatnaik bersama-sama laporan berita oleh akhbar-akhbar dalam talian ini. Panjang akhbar pula dinilai dari bilangan perenggan berita yang dipaparkan. Kedua-dua perkara ini juga peting untuk dinilai kerana ianya memberi makna terhadap kepentingan berita yang dipaparkan.

Paparan grafik ini sememangnya memainkan peranan yang penting, kerana pemilihan visual adalah untuk menarik perhatian para pembaca untuk membaca liputan berita tersebut. Gambar dan video juga dapat menunjukkan sejauh mana penulis berita dalam mengutamakan kepentingan isu penginaan institusi diraja ini dengan menggunakan grafik tersebut sebagai satu penekanan kepada liputan berita yang dilaporkan. Di samping itu, panjang bagi setiap berita juga dianalisis dan dikaji melalui bilangan perenggan dalam setiap berita. Bagi berita yang ditulis dengan bilangan perenggan yang sedikit bukanlah bermakna liputan berita ini tidak mementingkan isu ini, tapi ianya ditulis dengan ringkas dan padat tanpa huraian yang berlebihan. Walaupun terdapat satu berita dari akhbar The Star yang pendek dan tidak melengkap 5W 1H, akan tetapi penggunaan video yang dimuat turun membantu mengukuhkan laporan berita tersebut.

Kekerapan Isu Penghinaan Institusi Diraja

Akhbar dalam talian Utusan Online didapati paling banyak memaparkan berita berkenaan isu penghinaan institusi diraja berbanding akhbar Malaysia Kini dan The Star. Akhbar The Star dilihat paling kurang kerana bilangan berita yang dikeluarkan berkenaan isu ini sangat jauh perbezaannya berbanding akhbar Utusan Online dan Malaysia Kini. Hal ini menunjukkan bahawa akhbar dalam talian The Star kurang mengutamakan berita-berita yang berkepentingan besar terhadap negara dan masyarakat.

Secara keseluruhannya, kekerapan sesuatu akhbar dalam melaporkan berita tentang sesuatu isu boleh meningkat disebabkan oleh mereka mengikuti perkembangan mana-mana kes yang berkaitan. Mereka sentiasa mengemaskini setiap maklumat yang baru sahaja diperolehi dan telah disahkan, terus dipaparkan untuk makluman para pembaca mereka. Bagi mereka, menjadi prioriti utama dan tanggungjawab mereka untuk sentiasa menyediakan maklumat yang lengkap kepada pembaca agar tiada sebarang kekeliruan yang berlaku. Pendedahan sesuatu isu sememangnya penting dan perlu diberi perhatian oleh media-media di Malaysia agar dapat dijadikan info berguna dan pengajaran kepada masyarakat. Jadi, akhbar-

akhbar di negara ini perlulah mengambil berat akan isu ini yang sememangnya melibatkan keharmonian dalam negara kita dan juga masyarakat.

Punca Kes Saman Isu Penghinaan Institusi Diraja

Objektif ini pula bertujuan untuk mengetahui faktor kepada kes saman isu penghinaan institusi diraja yang dilaporkan dalam tempoh tujuh bulan terhadap kesemua berita yang terkumpul. Ternyata, kebanyakan laporan berita yang dikaji menunjukkan masih terdapat golongan masyarakat yang tidak tahu menghormati golongan diraja. Kes-kes saman yang dilaporkan banyak melibat golongan elit dan juga rakyat biasa yang bersuara menggunakan media sosial untuk meluahkan rasa tidak puas hati mereka.

Penggunaan bahasa yang keterlaluan dan menjijikkan terhadap institusi diraja dan pemimpin, langsung tidak mencerminkan ketamadunan masyarakat dan tidak langsung melambangkan sikap rakyat Malaysia apatah lagi bangsa melayu yang bersopan santun. Kes-kes yang dilaporkan juga dianggap satu penghinaan kepada institusi diraja kerana kenyataan yang dikeluarkan individu adalah bertujuan memfitnah dan tidak menghormati institusi diraja sebagai pemerintah negara. Dalam kebebasan bersuara, apa sahaja perbuatan memfitnah adalah satu kesalahan, dan boleh dibawa ke mahkamah untuk menuntut keadilan bagi pihak yang difitnah, apatah lagi perbuatan memfitnah Yang diPertuan Agong, sultan mahupun kerabat diraja. Lebih memalukan apabila wujud lagi golongan yang cuba menghasut rakyat agar membenci pempinan raja dan sultan serta perlembagaan di negara kita. Kenyataan-kenyataan buruk ini boleh menyebabkan raja, sultan mahupun kerabat diraja dikecam oleh rakyat dan boleh menjejaskan keharmonian masyarakat di negara kita.

Secara keseluruhannya, laporan berita tentang kes saman penghinaan institusi diraja masih banyak berlaku dalam negara kita dan berpunca daripada pelbagai faktor. Terbukti bahawa masih terdapat segelintir masyarakat dalam negara kita yang tidak tahu menghormati institusi diraja dan perlembagaan dalam negara kita. Mereka ini tanpa berfikir panjang cuba mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang boleh mendatangkan kesan buruk terhadap diri sendiri, masyarakat dan juga negara.

Perkongsian Isu Penghinaan Institusi Diraja di Media Sosial

Objektif terakhir ini pula bertujuan untuk mengkaji tentang perkongsian pengguna di media sosial berkenaan isu penghinaan institusi diraja. Kajian bagi objektif ini dibuat dengan menganalisis bilangan 'share' ataupun perkongsian para pembaca di media sosial seperti Facebook dan juga Twitter, melalui berita-berita yang telah terkumpul.

Berdasarkan hasil kajian, terdapat perbezaan yang besar terhadap bilangan perkongsian para pembaca tentang berita berkenaan isu penghinaan diraja ini, ke laman sosial mereka di Facebook dan juga Twitter. Sememangnya pengguna Facebook lebih ramai yang mengikuti perkembangan tentang isu penghinaan institusi diraja ini. Pengguna bagi Facebook adalah majoritinya terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat, manakala Twitter pula dilihat lebih digemari oleh golongan remaja. Hal ini jelas membuktikan bahawa golongan remaja kita kurang berminat mengikuti berita yang berkaitan dengan institusi diraja ini. Golongan ini juga dilihat tidak berminat untuk membaca berita-berita walaupun telah wujudnya akhbar dalam talian untuk memudahkan para pembaca untuk mendapatkan maklumat-maklumat isu semasa.

Kesimpulannya, melalui kajian yang dibuat terhadap akhbar-akhbar dalam talian ini, masyarakat di negara kita kini masih kurang berminat untuk mengikuti perkembangan tentang isu penghinaan diraja ini, terutamanya bagi golongan-golongan muda. Isu seperti ini kurang mendapat perhatian masyarakat walaupun telah wujudnya medium akhbar dalam talian yang memudahkan mereka untuk mengakses maklumat tentang isu ini. Walau bagaimanapun, jumlah bilangan *share* ini hanyalah bagi perkongsian dari sumber akhbar dalam talian sahaja, dan bukanlah dari sumber-sumber lain.

Manakala, bagi isu penghinaan institusi diraja ini pula perlu diambil berat oleh semua golongan masyarakat di negara kita ini. Masyarakat juga perlulah bijak menggunakan media sosial dalam mengeluarkan sesuatu kenyataan, terutamanya apabila kenyataan tersebut membabitkan pihak yang lain. Kesilapan dalam mengeluarkan pendapat dan penggunaan bahasa yang keterlaluan terhadap pihak lain terutamanya yang melibatkan Yang diPertuan Agong dan kerabat diraja, boleh menyebabkan tindakan undang-undang dikenakan atas kesalahan memfitnah, menghasut, mengancam keselamatan negara dan sebagainya. Jadi, masyarakat perlulah bijak dalam menggunakan kebebasan bersuara yang diberi kerana setiap kenyataan dan perbuatan yang dilakukan mempunyai batasan agar tidak keterluan, yang boleh menyebabkan keharmonian negara terganggu.

Rujukan

- Bharuddin bin Che Pa. 2005. *Badan Perundangan Kerajaan Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Bogdanor, V. (1997). *The Monarchy and the Constitution*. Clarendon Press: Oxford UK
- Boyd, D. M. 2008. *Taken Out of Context: American Teen Sociality In Networked Publics*. https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=1344756
- Coliver, S. (1993). *Buku Pedoman Article 19 Tentang Kebebasan Menyampaikan Pendapat: Hukum dan Perbandingan Hukum, Standard dan Prosedur Internasional*. <https://mafiadoc.com/buku-pedoman-article-19-tentang-kebebasan-59c2a3781723ddcc651e9e82.html>
- Emilio Ferrara (2015), Manipulation and abuse on social media. *SIGWEB Newsletter Spring 2015* :1-9.
- Fatimah Zainab binti Dzulkifli & Nazrul Dadziruddin bin Mohd Zameri. (2010) The Functions of Constitutional Monarchy in Malaysian Political System: The Perceptions of Malay Community. Dlm *Proceedings Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010) "Political Managements and Policies in Malaysia"*, 13-15 July 2010, Bayview Hotel Langkawi. Institute of Tun Dr. Mahathir Mohamad's Thoughts, Universiti Utara Malaysia, Sintok, pp. 353-369. ISBN 983-44865-3-2
- Jelani Harun (2008). *Undang-undang Kesultanan Melayu dalam perbandingan*. Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Kuziana Kubut. (2015). *Media Sosial dan Risiko Kesannya Kepada Keharmonian Masyarakat dan Keselamatan Negara*. <https://www.slideshare.net/kuziek/media-sosial-52975574>
- Kementerian Kewangan Malaysia. 2013. Laporan Ekonomi 2013/3014
- Mohd Asri, 2002. *Pengaruh Golongan £/it Pemerintah Dalam Pemaparan BeritaBerita Etnik. Ana/isis Kandungan Terhadap Pelaporan Berita Akhbar Utusan Malaysia dan*

- Berita Harian Sejurus Sebelum dan Selepas Pilihanraya Umum Ke-10 Malaysia*. Tesis tidak terbit. Ijazah Sarjana Sastera, (Komunikasi) USM
- Mohd Sufiean Hassan, 2013. Melaka prihatin isu Raja-raja Melayu dalam doktrin raja berpelembagaan negara. *Melaka Hari Ini*. Rencana. 1 Julai 2013 :17-18.
- O'Keeffe G.S., Clarke-Pearson, K. & Council on Communications and Media. (2011). Clinical Report—The Impact of Social Media on Children, Adolescents, and Families. From *The American Academy of Pediatrics*. :800-804
<http://pediatrics.aappublications.org/content/pediatrics/early/2011/03/28/peds.2011-0054.full.pdf>
- Raja Nazrin Shah, 2013. Perlembagaan dan Islam: Peranan institusi Raja. Titah DYMM Pemangku Raja Perak Darul Ridzuan. Seminar Institusi Raja. Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur. 5 Jun.
- Ramlah Adam dan Noormaizatul Akmar Ishak. 2014 *Persepsi Rakyat Terhadap Institusi Raja: Satu Kajian Kes di Perlis dan Kedah*. Seminar Institusi Raja (SIRaj II): Seminar Raja dan Kerajaan Perlis, 12hb hingga 13hb Jun 2013 anjuran Universiti Malaysia Perlis bertempat di Universiti Malaysia Perlis, Pauh Putra.
- Sengupta, A. & Chaudhuri, A. 2008. Are social networking sites a source of on-lineharassment for teens? Evidence from survey data. *Network, Electronic Commerce and Telecommunications Institute, working paper #08-17*.
http://www.netinst.org/Sengupta_Chaudhuri_08-17.pdf
- Severin W. J. & Tankard J. W. JR. 2001. *Communication Theories: Origins, Methods, and Uses in the Mass Media*. New York: Longman Publications.
- Starkey, D. 2005. Does Monarchy Matter? *Arts & Humanities in Higher Education*. 4(2) 215–224.
- Viswanath, K., & Arora, P. 2000. Ethnic media in the United States: An essay on their role in integration, assimilation, and social control. *Mass Communication & Society*, 3, :39–56
- Vivian, J. 2002. *The media of mass communication*. 6 th ed. Boston: McGraw-Hill
- Zaharahanum Kamarudin 2013. *Hak Kebebasan Bersuara: Peruntukan Undang-undang dan Isu Berkaitan*. https://www.academia.edu/5404932/HAK_KEBEBASAN_BERSUARA